

▼30/01/18-27MST

U GB 30-01 00173 BA059

aab

PM - Ekran

EKRAN BHD AKAN MENGETUAI PROJEK BAKUN

I

KUCHING, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Ekran Berhad akan mengetuai sekumpulan syarikat yang akan memajukan projek Hidro Elektrik Bakun di Sarawak.

Perdana Menteri berkata Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersetuju bahawa Ekran Bhd akan mengetuai keseluruhan projek tetapi belum menyiapkan senarai syarikat yang akan turut serta dalam projek bernilai RM15,000 juta itu.

Bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata projek itu, yang akan dimajukan dekat Belaga di Daerah Kapit, juga akan memberi faedah kepada industri kabel di negara ini dan Sarawak sendiri akan berperanan sebagai pengeluar utamanya.

Katanya, kabel diperlukan untuk mengalirkan tenaga elektrik yang dijanakan oleh projek itu di sini ke Semenanjung Malaysia dan Malaysia juga sedang meningkatkan keupayaan sistem kabelnya kepada to 500 KW.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang merancang mengadakan perkhidmatan keretapi elektrik selain daripada memenuhi permintaan elektrik yang semakin bertambah hasil daripada meningkatnya pelaburan dalam sektor industri. -- lagi

▼30/01/18-02MST

U GB 30-01 00174 BA060

aab

PM - Ekran 2 Kuching

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata kerajaan menjangkakan bahawa banyak tenaga elektrik akan digunakan di Sabah dan Sarawak dan elektrik yang bakal dijanakan oleh projek Bakun itu akan lebih murah, dengan itu mengurangkan kos elektrik di negara ini.

Selain daripada memenuhi keperluan tempatan, Dr Mahathir berkata tenaga yang dikeluarkan oleh projek Bakun juga akan dieksport ke negara-negara Asean.

Mengenai kajian sebelum melaksanakan projek itu, beliau berkata kerajaan sendiri telah menjalankan kajian selain daripada kajian yang dibuat oleh pihak Brazil.

Dr Mahathir berkata pada keseluruhannya, tiada siapa pun yang mahu menjalankan kajian itu kerana ia terlalu mahal, kecuali kerajaan berjanji menawarkan projek itu kepada mereka.

Mengenai dana untuk melaksanakan projek tersebut, beliau berkata ia akan diperolehi menerusi pinjaman dalam negeri kerana kerajaan tidak mahu menambahkan lagi pinjaman luar negara.

Sebelum melaksanakan projek itu, Dr Mahathir berkata balak yang terdapat dalam kawasan terlibat akan ditebang terlebih dahulu kerana pengalamaan menunjukkan kosnya agak tinggi jika ditebang kemudian. -- lagi

▼30/01/18-15MST

CNS5666

U GB 30-01 00195 BA061

aab

PM - Ekran 3 (akhir) Kuching

Terdahulu, pengerusi eksekutif Ekran Berhad Datuk Ting Pek Khiing berkata pengumuman Perdana Menteri tentang penswastaaan projek itu menamatkan pelbagai spekulasi mengenainya.

Beliau berkata projek itu akan membolehkan negara menggunakan sumber tenaga semula jadi yang boleh diperbaharui untuk menyokong kehebatan proses perindustrian negara.

"Projek ini juga akan mengurangkan pergantungan kepada minyak dan dalam masa yang sama menawarkan pilihan tenaga yang lebih murah dan bersih," katanya dalam satu kenyataan.

Oleh kerana Ekran mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Negeri Sarawak, syarikat itu melihat penswastaaan projek itu sebagai undi yakin terhadap rakyat Sarawak untuk mengendalikan sebuah projek besar seperti itu, katanya.

Menurut beliau, ia juga memberi peluang kepada kerajaan negeri untuk bersama-sama Ekran dalam projek itu melalui penyertaan ekuiti majoriti.

Katanya, projek hidro elektrik Bakun akan mempunyai keupayaan terpasang sebanyak 2,500 MW apabila siap kelak, iaitu menjelang tahun 2002.

Ting berkata elektrik yang dikeluarkan kelak akan dapat memberi sumbangan antara 20 dan 25 peratus kepada unjuran penggunaan tenaga kebangsaan.

Beliau berkata Ekran Berhad sedang dalam proses akhir untuk menyiapkan butiran berkaitan pelaksanaan projek itu. -- Bernama

AHM SIA